

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

TINDAKAN Pertubuhan Seni Silat Gayong Fatani 'memulai' perlawanan akhir dan majlis penutup Kejuaraan Silat Kebangsaan di Port Dickson yang berakhir kelmarin dianggap tidak bijak.

Keputusan itu membelakangkan semangat kesukanan dan secara tidak langsung menjejaskan kedudukan pertubuhan itu yang sebelum ini memalin peranan utama memperkenalkan silat olahraga.

Sebagai pertubuhan berwibawa dan mempunyai tokoh-tokoh utama dalam Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), perkara itu boleh diatasi demi menjaga semangat kesukanan dan hubungan persaudaraan.

Sekalipun keputusan dua pesilat skuad Sukan SEA '89 mereka, Siti Anida Mahadi dan Masliza Abu Bakar menarik diri di perlawanan akhir, tidak sepatutnya mereka turut memulai majlis penutup oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Isa Samad.

"Tindakan itu secara langsung memalukan pertubuhan dan tidak menghormati tuan rumah, Negeri Sembilan. Saya tidak hampa jika mereka memulai perlawanan akhir tetapi bukan majlis penutup," kata salah seorang penonton, Salim Ibrahim.

Katanya, sebagai pertubuhan yang dihormati, mereka tidak sepatutnya memulai majlis seumpama itu dan seolah-olah hilang penghormatan kepada pembesar negeri.

Difahamkan, Gayong Fatani memulai perlawanan akhir dan majlis penutup itu berikutan pembatalan perlawanan akhir pesilat Kelas Bebasnya, Azam Mokhtar selepas menewaskan Mohd Zain Yaacob dari Kelantan dengan keputusan KO. Kemenangan Azam dipertikalkan

**Tindakan
Gayong Fatani
pulau majlis
penutup ^{Harian (M)}
silat
4 AUG 1988
kurang bijak**

hingga menimbulkan kekecohan yang nyaris mencetus pergaduhan oleh Kontinjen Kelantan kerana Mohd Zain menghadapi kecederaan di telinga yang sepatutnya diberi kemenangan percuma.

Bagaimanapun, campurtangan 'orang luar' yang mendesak Juri dan Dewan Hakim membatalkan keputusan itu menjadi punca pemuluan skuad Gayong Fatani.

Presiden Pesaka, Datuk Rahman Mahmud, berkata: "Saya tidak mengetahui pemuluan oleh skuad itu, cuma menyedari apabila semua pemenang dari Gayong Fatani tidak tampil menerima hadiah."

Belliau tidak mahu mengulas tindakan Gayong Fatani itu, tetapi berharap perkara seperti itu tidak berulang di masa depan.

Katanya, tindakan disiplin tidak akan dikenakan ke atas pesilat negara daripada pertubuhan itu, tetapi akan mengarahkan pertubuhan itu menghantar laporan mengenai perkara itu. *Penyuluhan*

Namun begitu, pemulau disaat-saat akhir oleh skuad Gayong Fatani itu tidak sedikitpun menjejaskan kejuaraan yang berupaya melahirkan ramal bakat baru berwibawa sekalipun tidak mampu merangkul kejuaraan.